



PEJABAT PENDAFTAR

Rujukan Tuan :  
Rujukan Kami : UPSI/PEND/BG1/597 (03/19)  
Tarikh : 31 Mei 2019  
26 Ramadhan 1440H

SPP UPSI BIL. 3 TAHUN 2019

Semua  
Ketua Pusat Tanggungjawab  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

YBhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan,

**GARIS PANDUAN PENGURUSAN FAIL DAN REKOD UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil.4/2019 pada 20 Mac 2019 telah bersetuju meluluskan Garis Panduan Pengurusan Fail dan Rekod Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) untuk digunapakai oleh semua staf UPSI.

3. Untuk makluman YBhg. Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan, tujuan garis panduan ini diwujudkan adalah untuk dijadikan sebagai panduan dan rujukan kepada semua staf dalam menguruskan fail dan rekod di Pusat Tanggungjawab masing-masing supaya ianya selaras dan mengikut Dasar Pengurusan Rekod Sektor Awam yang dikeluarkan oleh Arkib Negara.

4. Sehubungan itu, bersama-sama ini dilampirkan Garis Panduan Pengurusan Fail dan Rekod Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) untuk rujukan dan tindakan pihak YBhg. Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan.

5. Tarikh kuatkuasa pekeliling ini adalah pada 1 Jun 2019.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**'UNIVERSITI NO.1 PENDIDIKAN'**

Saya yang menjalankan amanah,

(DR. HJH. ZAINAB OTHMAN)  
Pendaftar  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

s.k : Y. Bhg. Dato' Naib Canselor  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

MMH/SPP32019/pekeliling

## GARIS PANDUAN PENGURUSAN FAIL UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)

### 1. TUJUAN

Garis Panduan ini disediakan untuk memberi penerangan mengenai tatacara dan amalan pengendalian fail di UPSI. Penyediaan panduan ini adalah selaras dengan:

- 1.1 Peruntukan seksyen 7(h), Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629); dan
- 1.2 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2007 – Panduan Pengurusan Pejabat, (Bahagian VII dan VIII).

### 2. SKOP

Panduan ini hendaklah diguna pakai oleh semua staf UPSI dalam pengendalian fail rasmi Universiti. Panduan ini merangkumi kaedah pembukaan fail, penggunaan kulit fail, memfailkan surat, meminitkan surat ke dalam kertas minit, menulis minit tindakan, mencatatkan butiran pada kulit fail, penggunaan kulit fail sampul kecil, penutupan fail dan pembukaan fail baharu (Jilid sambungan).

### 3. TAFSIRAN

- 3.1 **“Fail Rasmi”** bermaksud dokumen rasmi kerajaan yang dikandung, disusun denganteratur dan didaftarkan. Fail ini diberi tajuk spesifik sepertimana yang telah ditetapkan dalam Klasifikasi Fail.
- 3.2 **“Kertas Minit”** bermaksud kertas (Am. 6) yang dilampirkan di sebelah kiri fail yang mencatatkan butiran dan maklumat lampiran. Ia boleh digunakan sebagai indeks kepada lampiran yang terkandung di dalam fail. Kertas minit juga digunakan untuk memberi arahan atau maklum balas ringkas ke atas lampiran yang berkenaan.
- 3.3 **“Sampul Kecil”** bermaksud kulit fail yang menepati format Am 735A- Pin 1/82. Kulit fail yang digunakan sebagai fail sementara apabila fail asal tidak dapat dikesan atau apabila lebih daripada seorang pegawai perlu mengambil tindakan segera ke atas fail yang sama.
- 3.4 **“Klasifikasi Fail”** bermaksud proses mengenalpasti dan mengumpulkan maklumat secara logikal ke dalam kategori/kumpulan yang sama atau seakan-akan sama, di mana setiap satu kategori/kumpulan rekod itu, dikenali dengan identitinya sendiri

- 3.5 “Registri”**bermaksud unit atau bahagian khusus di sesebuah pejabat yang bertanggungjawab terhadap urusan surat menyurat, dokumen dan fail-fail.
- 3.6 “Bilik Fail”** bermaksud bilik penyimpanan, penyelenggaraan dan pengawalan fail-fail (rekod) aktif
- 3.7 “Bilik Rekod”**bermaksud bilik atau ruang khusus sebagai tempat simpanan bagi menempatkan sekod-rekod separa aktif dan tidak aktif sementara menunggu rekod-rekod tersebut dikaji dan ditentukan tindakan pelupusan yang perlu diambil ke atasnya.
- 3.8 “Pegawai Rekod Jabatan (PRJ)”**bermaksud seseorang pegawai yang dilantik oleh jabatan dan bertanggungjawab dalam merancang, memantau dan melaksanakan program dan aktiviti berkaitan pengurusan rekod di Pusat Tanggungjawab masing-masing
- 3.9 “Pembantu Tadbir Rekod Jabatan (PTRJ)”**bermaksud seseorang pegawai yang dilantik dikalangan gred 19 atau setaraf dengannya. Membantu Pegawai Rekod Jabatan dalam merancang, memantau dan melaksanakan program dan aktiviti berkaitan pengurusan rekod di Pusat Tanggungjawab masing-masing.
- 3.10 “Pelupusan”**bermaksud cara menguruskan pengasingan rekod dengan tujuan pemusnahan, pemindahan atau selainnya (penangguhan pemindahan).

#### **4. TANGGUNGJAWAB**

Pegawai Rekod Jabatan Universiti (PRJU), Pegawai Rekod Jabatan PTJ [PRJ(PTJ)], Pembantu Tadbir Rekod Jabatan PTJ [PTRJ(PTJ)] atau sesiapa yang berkaitan bertanggungjawab mengurus semua rekod di Universiti Pendidikan Sultan Idris, UPSI.

#### **5. PEMBUKAAN FAIL**

##### **5.1 KAEDAH PEMBUKAAN FAIL**

5.1.1 Pembukaan fail meliputi aktiviti pembukaan fail baharu, fail sementara, memasukkan kandungan, mencatatkan butiran di kertas minit dan mengawal pergerakan fail.

5.1.2 Fail dibuka apabila:

- i. Fail yang diperlukan belum ada;
- ii. Fail asal ditutup dan bersambung pada kulit fail jilid baharu;
- iii. Fail asal tidak dapat dikesan;
- iv. Fail asal didapati rosak dan perlu digantikan dengan kulit baharu;

- v. Perubahan pentadbiran sesuatu PTJ; dan
- vi. Skema klasifikasi fail dirombak atau bertukar kepada sistem klasifikasi yang baharu.

5.1.3 Surat dan dokumen yang diwujudkan atau diterima hendaklah dikandungkan dengan segera ke dalam fail yang betul supaya ianya mudah dikawal, dikesan dan diambil tindakan.

#### 5.1.4 Jenis Kulit Fail

Terdapat lima (5) jenis kulit fail yang digunakan. Jenis kulit fail tersebut adalah seperti berikut:

- (i) a. **TERBUKA:**  
Kulit fail berwarna putih (Am 435 – Pin 1/80) **gambar 1**;
- b. **SAMPUL KECIL:** Kulit fail berwarna kuning (Am 435A – Pin. 1/82) **gambar 2**;
- (ii) **TERHAD:**  
Kulit fail berwarna putih (Am 435 – Pin 1/80) dengan cop **TERHAD gambar 3**;
- (iii) **SULIT:**  
Kulit fail berwarna hijau (Am 436), **gambar 4**;
- (iv) **RAHSIA:**  
Kulit fail berwarna merah jambu berpaling merah (Am 437) **gambar 5**; dan
- (v) **RAHSIA BESAR:**  
Kulit fail berwarna kuning muda, berpaling merah (Am 438), **gambar 6**.

**LAMPIRAN GAMBAR**


Formulir Kulit Fail Terbuka (AM 435 - Pin. 1/80) dengan header 'PUSKAS' dan tabel data dengan kolom: No. Kertas Asli, Jenis Kertas, Jumlah Lembar, No. Kertas Baru, Jumlah Lembar, dan Jenis Kertas Baru. Terdapat juga bagian untuk catatan dan tanggal.

**GAMBAR 1 : KULIT FAIL TERBUKA  
(AM 435 - Pin. 1/80)**

Formulir Sampul Kecil (AM 435A - Pin. 1/82) dengan header 'SAMPUL KECIL' dan bagian-bagian untuk No. Kertas Asli, Jenis, No. Kertas Baru, dan area untuk catatan.


**GAMBAR 2 : SAMPUL KECIL  
(AM 435A - Pin. 1/82)**





GAMBAR 5 : KULIT FAIL RAHSIA

(AM 437)



GAMBAR 6 : KULIT FAIL RAHSIA BESAR

(AM 438)

5.1.5 Tebuk lubang di sudut atas sebelah kiri kulit fail 2.5 sm dari penjuru kiri dan atas.

5.1.6 Masukkan tali hijau dan kertas minit.

5.1.7 Daftarkan fail baharu dibuka ke dalam Buku Daftar Fail.

## 5.2 MENCATATKAN BUTIRAN PADA KULIT FAIL

### 5.2.1 Tajuk Fail dan Nombor Rujukan Fail

Tajuk fail dan Nombor Rujukan Fail hendaklah dicatatkan pada kulit fail dengan jelas menggunakan **dakwat kekal** warna hitam atau biru seperti gambarajah di bawah:

**Rajah 2.2.1: Contoh Kulit Fail**

(Am 435-Pln. 1/80)

<b>ANM.600-23/2/1</b>	Kertas-kertas Yang Berhubung _____ _____ _____	<b>ANM.600-23/2/1</b>
<b>PERKARA</b>		PRE J.K.L.
<b>KURSUS PENGURUSAN REKOD</b>		
Tarikh Kandungan pertama: .....		Tarikh Kandungan Akhir: .....
Dihantar kepada	Tarikh dihantar	Dihantar kepada
Dihantar kepada	Tarikh dihantar	Dihantar kepada
Dihantar kepada	Tarikh dihantar	Dihantar kepada
Dihantar kepada	Tarikh dihantar	Dihantar kepada
Dihantar kepada	Tarikh dihantar	Dihantar kepada
Dihantar kepada	Tarikh dihantar	Dihantar kepada
Dihantar kepada	Tarikh dihantar	Dihantar kepada

### 5.2.2 Kertas-kertas yang Berhubung

Catitkan nombor rujukan fail lain yang ada hubungkait dengan fail ini umpamanya fail dasar, undang-undang dan sebagainya bagi tujuan rujuk silang. Di samping itu, sekiranya ada rombakan kepada skema klasifikasi fail catitkan nombor rujukan fail lama di kulit fail baharu dan nombor rujukan fail baharu di kulit fail lama.

### **5.2.3 Tarikh Kandungan Pertama:**

Catatkan tarikh dokumen kandungan pertama di ruang ini. Tarikh kandungan adalah tarikh surat atau dokumen dan bukan tarikh penerimaan atau pun tarikh kandungan didaftarkan ke dalam fail ini.

### **5.2.4 Tarikh Kandungan Akhir:**

Tarikh dokumen kandungan terakhir dicatat di ruang ini apabila fail ditutup. Tarikh kandungan terakhir adalah tarikh dokumen atau surat dan bukan tarikh penerimaan atau pun tarikh kandungan didaftarkan ke dalam fail ini.

### **5.2.5 Dihantar kepada dan Tarikh Dihantar:**


Butiran ini adalah perihal pergerakan fail. Catatkan dengan jelas singkatan nama jawatan pegawai yang menggunakan fail ini untuk mengambil tindakan dan tarikh fail itu dihantar kepada beliau.

## **5.3 MEMFAIL ATAU MENDAFTARKAN DOKUMEN KE DALAM FAIL**

### **5.3.1 Dokumen yang hendak difailkan perlu:**

- i. Cap tarikh terima surat/dokumen di ruang yang kosong;
- ii. Daftar surat dalam buku daftar penerimaan surat;
- iii. Ditebuk di penjuru atas sebelah kiri (sila rujuk contoh di bawah);
- iv. Kandungkan dokumen di sebelah kanan fail menggunakan tali Hijau (green tag); dan
- v. Catatkan nombor kandungan dipenjuru atas sebelah kanan sebagai nombor kandungan fail. Dokumen terawal diberi nombor kandungan. Dokumen-dokumen berikutnya akan diberi nombor kandungan seturut dan dibulatkan.
  - Nombor lampiran bagi surat masuk hendaklah ditulis dengan pen berdakwat merah, manakala
  - nombor lampiran bagi surat keluar ditulis dengan pen berdakwat biru atau hitam.
- vi. Surat / dokumen diminitkan atau direkodkan ke dalam kertas minit.

Rajah 2.3.1: Contoh Memfailkan Surat/Dokumen ke dalam Fail



## 5.4 PENYEDIAAN KERTAS MINIT

### 5.4.1 Merekodkan (surat masuk) dan surat keluar:

Kandungan di dalam fail hendaklah didaftarkan ke dalam kertas minit bagi tujuan kawalan pada peringkat dokumen seperti berikut:

#### (i) Kandungan (surat masuk) hendaklah dicatatkan

- Surat daripada (surat drp...)
- Bertarikh (bth...)
- Difailkan pada (d/f pd...)
- Ditulis menggunakan pen dakwat merah sebagaimana berikut:

Surat drp \_\_\_\_\_ bth \_\_\_\_\_ d/f pd \_\_\_\_\_

#### (ii) Kandungan (surat keluar) hendaklah dicatatkan

- Surat kepada (Surat kpd....)
- Bertarikh (bth...)
- Difailkan pada (d/f pd...)



- 6.3 Fail yang tidak dirujuk dalam masa 5 tahun dan tidak lagi dikehendaki untuk pentadbiran harian;
- 6.4 Fail telah tamat tindakan dan tiada tindakan lanjut yang perlu diambil ke atas fail tersebut;
- 6.5 Perubahan pentadbiran sesuatu pejabat awam;
- 6.6 Skema klasifikasi fail dirombak semula dan bertukar kepada sistem baharu; dan
- 6.7 Sesuatu pejabat awam ditamatkan fungsi dan tidak lagi beroperasi;

Rajah contoh penutupan fail bagi 3.1 & 3.2


ANM.600-23/2/1	Kertas-kertas Yang Berhujung	(Am 435-Pin 1/80) <b>ANM.600-23/2/1</b>
	PERKARA <span style="float: right;">PNB K L</span>	
<b>KURSUS PENGURUSAN REKOD</b>		
Tarikh Kandungan pertama	Tarikh Kandungan Akhir	
TUTUP PADA 30/10/2011 SILA LAMAT JILD — (SAMBUNGANNYA)		

Rajah contoh penutupan fail bagi 3.3 - 3.5

ANM.600-23/2/1	Kertas-kertas Yang Berhujung	(Am 435-Pin 1/80) <b>ANM.600-23/2/1</b>
	PERKARA <span style="float: right;">PNB K L</span>	
<b>KURSUS PENGURUSAN REKOD</b>		
Tarikh Kandungan pertama	Tarikh Kandungan Akhir	
TUTUP PADA 30/10/2011		

## 7. PELUPUSAN REKOD AWAM

### 7.1 CARTA ALIRAN PELUPUSAN REKOD AWAM BERDASARKAN JADUAL PELUPUSAN REKOD



## 7.2 CARTA ALIRAN PELUPUSAN REKOD AWAM BERDASARKAN JADUAL PELUPUSAN REKOD

